

FELDA Selancar 3 juara AKKF 2018 bawa pulang RM1j

Rompin: Titisan air mata kegembiraan dan pelukan tahniah 'mengiringi' lebih 20 wakil penduduk FELDA Selancar 3 di sini, apabila dinobatkan Juara Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF) 2018, semalam.

Mereka, yang diketuai Pengerus, Raduan Rozali, 50, menerima wang tunai RM1 juta, sijil dan piala iringan, sepakat mengagihkan RM1,000 kepada setiap 365 keluarga dan tujuh kakitangan tanah rancangan itu.

"Baki wang kemenangan akan digunakan untuk membina rumah inap desa yang diberi nama Rumah Inap Desa AKKF, mengambil kira nama anugerah selain dijadikan modal untuk mengusahakan ternakan lembu untuk generasi kedua.

"Kami berhasrat meningkatkan ekonomi sampingan warga FELDA Selancar 3 dengan pembinaan rumah inap desa ini, kerana buat masa ini peneroka lebih tertumpu kepada tanaman sawit dan ternakan lembu," kata Raduan ketika ditemui semalam.

Pertandingan itu, yang menjadi tumpuan peneroka setiap tahun dinilai menerusi 10 komponen utama, antaranya rumah peneroka, kualiti komuniti, jalan utama, pengurusan ladang, projek ekonomi, aktiviti badan peneroka dan generasi baharu, susun atur dan keceriaan kawasan perniagaan serta pelancongan.

Raduan berkata, mereka membelanjakan kira-kira RM70,000 untuk meningkatkan keceriaan persekitaran tanah rancangan itu bagi tujuan pertandingan, termasuk dengan membina sebuah taman rekreasi di situ sejak 2016.

Sementara itu, penerima Anugerah Utama Usahawan FELDA 2018 dan Anugerah Inovasi Usahawan FELDA 2018, Yusoff Yusoff, 59, bermula hanya suka-suka membela ayam lima tahun lalu, kini usahawan berjaya dengan ternakan sekitar 65,000 ekor.

Yusoff yang membawa pulang RM15,000, trofi dan sijil berkata beliau bermodalkan RM200,000 bagi membina reban, membeli anak ayam dan palet makanan



Penduduk FELDA Selancar 3 di Rompin, bersama replika cek yang dimenangi mereka semalam. (Foto Bernama)

sebelum membuat keputusan untuk lebih serius dengan mendapatkan khidmat nasihat pengurusan FELDA.

"Sekarang, Alhamdulillah saya mengusahakan tiga reban ayam sehingga memerlukan bantuan daripada dua orang anak.

"Walaupun sudah agak lama bermain ayam, namun saya masih lagi berjumpa dengan pengurusan FELDA untuk khidmat nasihat," katanya dari FELDA Kereteh 6, Terengganu.

Penemang Anugerah Usahawan

Harapan FELDA, Siti Fadzilah A Rahman, 28, yang mengusahakan perniagaan makanan sejuk beku seperti karipap dan temosa, menyifatkan pengiktirafan itu kemenangan ibunya, Rubiah Mohamed, 52, yang menjadi 'guru' beliau.

Ibu dua anak yang menetap di FELDA Air Tawar 1, Johor, ini berkata minat berniaga bermula sejak berusia belasan tahun, kerana sering membantu ibunya yang mengusahakan perniagaan makanan lebih 20 tahun lalu.

"Saya banyak melihat dan membantu ibu, dari situ saya belajar bagaimana untuk menjadi usahawan serta mula meneroka pasaran sehingga kini berjaya menembusi pasaran Singapura," kata lulusan Diploma Penyediaan Makanan dan Kulineri dari Yayasan Pelajaran Johor ini.

Penerima Anugerah Khidmat Bakti FELDA, Hasnah Mahmud, berkata generasi baharu FELDA perlu bersungguh-sungguh dan bekerja kuat untuk berdepan pelbagai cabaran masa kini.